

PM juga  
perlu  
rambut  
cantik

SEBAGAI Perdana Menteri, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~ tentu-lah sibuk dengan tugasnya. Oleh itu, sedikit luang masa yang ada akan digunakan sepenuhnya.

Lantaran itu, selepas merasmikan bangunan baru Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) di Alor Star, kelmarin, beliau mengambil kesempatan mendandan rambut di sebuah kedai di kompleks itu.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang sentiasa berminat melihat kaum Bumiputera menyertai bidang perniagaan dan perindustrian, juga memberi galakan dan nasihat kepada tukang gunting ini dan peniaga-peniaga lain.

Dalam lawatannya ke ruang-ruang niaga di kompleks itu, beliau dan Datin Seri Dr Siti Hasmah juga mengunjungi kedai emas, peralatan elektrik dan komputer, semuanya diusahakan oleh Bumiputera.

Gambar oleh SHAM-SUDDIN OLI MOHAMAD.